

30 JAN 1999

G-15

KRISIS KEWANGAN MEJADI FOKUS SEDANG KEMUNCAK G-15 DI JAMAICA

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) - Aliran modal jangka pendek dan kacau bilau yang ditumbulkannya kepada ekonomi dunia akan menjadi fokus Sidang Kemuncak G-15 di Jamaica bulan depan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Modal jangka pendek dan dana lindung nilai bukan menjadi isu kepada negara-negara membangun sahaja, tetapi juga negara maju, katanya kepada media semasa memberi taklimat berkaitan sidang kemuncak yang akan diadakan di Jamaica itu.

Sri Lanka akan menjadi anggota ke-17 di sidang kemuncak Jamaica, yang akan berlangsung pada 4 Feb hinggg 12 Feb ini. Anggota lain perkumpulan itu, yang ditubuhkan di Kuala Lumpur pada tahun 1990 ialah Algeria, Mesir, Kenya, Nigeria, Senegal, Zimbabwe, India, Indonesia, Malaysia, Argentina, Brazil, Chile, Jamaica, Mexico, Peru dan Venezuela.

Syed Hamid berkata sidang kemuncak itu mungkin mengumumkan pendirian bersama berkaitan perlunya mengkaji semula sistem kewangan dunia, mengawal selia lindung nilai dan aliran modal jangka pendek, yang ditekankan Malaysia sebagai punca krisis kewangan Asia.

Sidang Kemuncak itu akan dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai ketua delegasi, dan disertai bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Syed Hamid.

Syed Hamid akan menghadiri sidang kemuncak itu buat kali pertama sebagai Menteri Luar berkata, sidang itu juga akan memberikan tumpuan sistem perdagangan pelbagai hala dan kerjasama perdagangan antara anggota.

Perkumpulan itu akan mengambil peluang untuk berunding dan menyelaraskan apa sahaja kedudukan yang akan diguna pakai pada mesyuarat Peringkat Menteri Ketiga, Pertubuhan Perdagangan Sedunia, yang akan diadakan dari 30 Nov hingga 3 Dis ini di Seattle, Amerika Syarikat.

Syed Hamid berkata pendirian Malaysia berkaitan WTO ialah sistem perdagangan pelbagai hala harus dikaji, dengan mengambil kira pandangan negara-negara membangun.

Sidang kemuncak itu, katanya juga akan mengkaji 17 projek G-15 yang sedang dilaksanakan, di samping menimbang cadangan projek baru. Daripada 17 projek itu Malaysia menyelaraskan tiga projek yang membabitkan --peraturan pembayaran dua hala, pusat bagi kecemerlangan pendidikan dan Pelaburan Selatan, dan Pusat Pertukaran Data Perdagangan dan Teknologi (SITTDEC).

Syed Hamid berkata tiada masalah berkaitan kekurangan korum bagi sidang di Jamaica itu, memandangkan 12 ketua kerajaan akan hadir.

Beliau berkata perkumpulan itu juga telah membuat kemajuan bagi merialisasikan satu daripada matlamat utamanya, iaitu merintis kerjasama ekonomi antara negara-negara Selatan. Pelaburan terus asing antara anggota G-15 meningkat sebanyak 24 peratus kepada RM61.7 bilion dalam tahun 1997, manakala perdagangan Malaysia dengan anggota pertubuhan itu meningkat sebanyak 17.9 peratus dalam 1998, katanya.

Syed Hamid berkata delegasi Malaysian akan menjelaskan langkah-langkah fiskal dan ekonomi yang diambilnya untuk mengatasi krisis ekonomi, terutamanya pengawalan tukaran berpilih.

"Kita tidak bermaksud kaedah yang dilaksanakan Malaysia adalah satu-satunya cara menyelesaikan krisis ekonomi, tetapi kita bernasib baik kita memperolehi keputusan yang positif," katanya.

Sidang kemuncak itu akan bermula pada 4 Feb dengan Forum Pelaburan

Perniagaan, diikuti mesyuarat ke-7 majlis pentadbiran jawatankuasa pelaburan, perdagangan dan teknologi, mesyuarat menteri-menteri perdagangan dan ekonomi pada 6 Feb dan seterusnya mesyuarat menteri-menteri luar, manakala ketua-ketua kerajaan akan memulakan mesyuarat pada 10 Feb.

-- BERNAMA

KGO RI